

# Bahasa adalah hak milik bersama: Kamaruzaman

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

[bustymessy@gmail.com](mailto:bustymessy@gmail.com)

KOTAKINABALU: Bahasa adalah hak milik bersama dan bukan kepunyaan individu tertentu, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampang.

Beliau berkata sememangnya bahasa yang dituturkan merupakan kegiatan seseorang sebagai individu, namun bahasa tidak mungkin wujud dalam masyarakat jika tidak digunakan sekumpulan individu dalam hubungan antara satu sama lain.

Menurutnya, bahasa merupakan satu prinsip yang digunakan sesuatu bangsa dan dalam konteks di negara ini, penggunaan bahasa itu merujuk kepada bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu.

"Sebagai bahasa

komunikasi, Bahasa Melayu digunakan secara meluas di seluruh negara dan rantau ini yang mana lebih 300 juta orang menggunakannya sebagai bahasa interaksi sehari-hari," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Kolokium Kebangsaan Memartabatkan Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan 2010 di sini kelmarin.

Tambahnya, mercu pencapaian sesuatu bahasaitu terletak pada penggunaanya sebagai lingua franca serta pengembangan sastera, adat, pakaian, makanan, dan adab kesenian yang dibawanya.

Selain itu katanya, bahasa bukan hanya sebagai alat komunikasi semata-mata, bahasajuga pembina budaya, pengembang pemikiran dan pandangan alam seseorang.

"Seseorang yang mengabaikan bahasanya, bermakna ia mengabaikan

budaya hidup diri, masyarakat serta negaranya. Justeru seseorang yang mengagungkan bahasa turut perlu meninggikan taraf budaya atau sastera bangsanya," jelasnya.

Beliau berkata semangat dan nilai yang terdapat dalam Bahasa Melayu boleh menjadi pendorong yang kuat kepada pengamalnya untuk menggerakkan perkembangan ilmu pengetahuan.

Katanya, penggunaan Bahasa Melayu pada abad ke-16 dan 17 telah mencapai taraf bahasa antarabangsa terutama dengan kedudukannya sebagai bahasa diplomatik, lingua franca, bahasa perdagangan sedunia dan bahasa penyebaran agama besar di dunia.

Sementara itu, kolokium yang dijalankan selama dua hari itu bertujuan untuk memberi peluang kepada tokoh-tokoh pendidikan, bahasa dan organisasi bukan kerajaan (NGO) membentangkan pendapat, cadangan dan juga saran mereka.

Ia juga memberi peluang kepada para peserta untuk bertukar-tukar idea dan pandangan bagi memantapkan lagi cadangan dan rumusan kepada kolokium.

Kolokium berkenaan akan berakhir hari ini dan sebanyak lapan kertas kerja dibentangkan sepanjang ia dijalankan. Ia merupakan anjuran bersama Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) UMS, Kerajaan Negeri Sabah dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sabah dengan kerjasama Bahagian Perhubungan Korporat UMS.



**CENDERAHATI** ... Kamaruzaman menerima cenderahati daripada Dekan SPPS, Prof. Madya Dr. Mohd. Yusof Abdullah (kiri) sambil diperhatikan oleh Pengarah DBP Sabah, Zubaidi Abas selepas merasmikan kolokium itu.